

Badan khas atasi pengundi import

BH 20 DEC 2002

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Khamis – Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Daftar Pemilih yang dipengerusikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ditubuhkan bagi menangani isu pengundi import untuk diselesaikan sebelum pilihan raya umum akan datang.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihan raya (SPR), Datuk Wan Ahmad Wan Omar, berkata Timbalan Perdana Menteri sudah mengadakan mesyuarat pertama jawatankuasa itu dengan SPR, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) baru-baru ini.

"Mesyuarat itu bagi mencari jalan menyelesaikan masalah kira-kira 2.8 juta pengundi import seperti didedahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

"SPR sendiri juga sudah berbincang dengan Jaba-

tan Peguam Negara dan JPN bagaimana menangani masalah pengundi import ini," katanya ketika ditemui pada majlis sambutan Aidilfitri anjuran bersama semua kementerian dan jabatan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai perkembangan terkini usaha SPR untuk mengesan 2.8 juta pengundi berdaftar yang dipindahkan ke kawasan lain yang tiada kena mengena dengan mereka seperti dinyatakan Perdana Menteri November lalu.

Kajian yang dibuat terhadap senarai daftar pemilih menunjukkan pengundi berkenaan tidak mempunyai alamat atau sebarang kaitan sama sekali dengan kawasan baru itu.

Wan Ahmad bagaimanapun melahirkan rasa kecewa dengan sambutan dingin pemimpin politik terutama di peringkat bahagian termasuk pembangkang kerana tidak memberi

maklum balas mengenai dakwaan wujudnya pengundi import di kawasan masing-masing.

Beliau berkata, ini menyebabkan pihaknya sukar mengenal pasti siapa mereka di kalangan 2.8 juta pengundi import seperti didedahkan Dr Mahathir sebelum ini.

"Setakat ini cuma beberapa bahagian di Kedah dan Kelantan memberi maklum balas. Kita masih menunggu maklum balas dari negeri lain dan daripada pemimpin politik sebab kerajaan sudah mengarahkan parti politik terutama di kalangan parti komponen supaya menyemak daftar pemilih bagi mengenal pasti pengundi import.

"Proses pembersihan ini kita sudah mulakan tetapi tanpa kerjasama semua pihak, bukan senang untuk mengenal pasti siapa pengundi import ini," katanya

Wan Ahmad berkata, sebenarnya cuma 10 peratus

atau kira-kira 280,000 daripada jumlah 2.8 juta pengundi itu benar-benar pengundi import iaitu dengan tujuan politik semata-mata untuk menang pilihan raya yang dilakukan oleh parti politik tertentu.

Beliau berkata, hasil siasatan mendapati kebanyakan mereka terbabit berada di Terengganu, Kelantan, Kedah dan Pahang, kemungkinan disebabkan saingan politik di antara Umno dan Pas di negeri terbabit.

Katanya, majoriti yang lain adalah mereka yang mendaftar kerana ada kepentingan di situ seperti tempat lahir dan bekerja di kawasan berkenaan.

"Jadi sekarang ini isunya ialah macam mana kita nak selesaikan masalah pengundi import yang disebut oleh Perdana Menteri itu. Itu keutamaan kita dan saya sedang berbincang dengan JPN untuk menyemak nama mereka melalui kad pengenalan," katanya.